

25 AUG 1999

Shahidan-China

SHAHIDAN KECEWA PEMBANGKANG PERTIKAI HUBUNGAN M'SIA-CHINA

KANGAR, 25 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim kesal dengan sikap parti pembangkang yang mempertikaikan hubungan Malaysia-China yang disuburkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau menerima laporan bahawa parti pembangkang dalam ceramah mereka di sini baru-baru ini mendakwa hubungan itu lebih bermotifkan politik.

Kerajaan kononnya mengadakan hubungan dengan China semata-mata untuk mengimport rakyat negara itu sebagai pengundi bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

Shahidan berkata, dakwaan itu bukan sahaja berbentuk fitnah malah boleh merosakkan hubungan baik di antara Malaysia dan China.

"Mereka tidak sepatutnya merosakkan hubungan baik atau memburukkan negara asing yang berbaik dengan Malaysia," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr Mahathir melawat China untuk menyuburkan hubungan yang dijalin sejak 1974 dan beliau turut mengundang pelabur negara itu untuk menanam modal di negara ini.

Terdahulu, ketika berucap pada perjumpaan dengan lebih 500 pengawas sekolah di seluruh Perlis di Dewan Residen di sini, Shahidan berharap mereka akan menjadi duta kecil kerajaan di peringkat sekolah.

Katanya, para pengawas yang dididik dengan disiplin yang tinggi boleh menjadi pemimpin yang berupaya menanam semangat jati diri yang kental di kalangan rakan sebaya mereka.

Shahidan berkata, golongan pelajar perlu dididik dengan disiplin yang murni serta menghayati tanggungjawab sebagai pelajar dan tidak menjadi alat kepada golongan yang berkepentingan politik.

-- BERNAMA

AD AKD